



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA**
BERITA PERIKANAN HARI INI

3 Februari 2022
1 Rejab 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Memerang ceroboh sangkar
Kosmo !	• Muara cetekjejas rezeki 120 nelayan • Ghairah cari ikan sampai ke pelantar • RM1,000 seorang sekali trip, guna helah elak ditahan
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	16	3/2/2022

16

www.hmetro.com.my

@hmetromy

HarianMetro

@hmetromy

lokal

HM MIS 16 3/2/2022



Memerang ceroboh sangkar

15 penternak ikan dalam sangkar di Sungai Geting buntu usaha elak kerugian tak berhasil

PENTERNAK ikan sangkar, Mohd Rafi (kanan) menutup permukaan sangkar dengan kayu lapis serta jaring pulat untuk mengelak diceroboh kumpulan memerang di Sungai Geting. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Kira-kira 15 penternak ikan dalam sangkar di Sungai Geting, di sini, buntu apabila berdepan kerugian selepas ternakan mereka dimakan memerang dari hutan nipah berhampiran.

Mereka yang melakukan aktiviti itu sejak lebih 20 tahun lalu juga sudah menghasilkan pelbagai kaedah untuk mengelak kehadiran memerang, namun masih tidak berjaya.

Penternak Wan Razak Wan Hassan, 30, berkata, mereka buntu kerana kedadangan memerang mencecah belasan ekor ke sangkar ikan siakap, kerap hibrid dan talapia yang diternak.

Menurutnya, pelbagai kaedah sudah dilakukan dengan memasang perangkap seperti jaring besi dan elektrik pada sangkar, namun masih tidak berkesan.

Buat masa ini, kami bermalam di pondok atas sangkar atas sangkar dan kerap datang meronda kerana kumpulan memerang datang tidak mengira waktu, tapi paling kerap menjelang Subuh dari tengah hari"

Wan Razak Wan Hassan

"Ada juga kaedah dianggap tidak masuk akal termasuk melumurkan lemak ular sawi di lantai sangkar dan menggunakan khidmat bomoh untuk menghalau memerang disebabkan rasa terdesak, tetapi gagal.

"Buat masa ini, kami bermalam di pondok atas sangkar dan kerap datang meronda kerana kumpulan memerang datang tidak mengira waktu, tapi paling kerap menjelang Subuh dan



tengah hari.

"Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) juga sudah maklum masalah ini dan cuba meminta dengan menyediakan perangkap, namun haiwan itu tetap gagal ditangkap," katanya.

Penternak lain Mohd Rafi Mohamad, 42, berkata, serangan memerang sudah diatasi sejak sekian lama menyebabkan kerugian hampir sekali ganda dialami setiap kali ternakan sudah

boleh dijual.

Katanya, ada yang mendangkan agar aktiviti itu dijalankan di lokasi lain, tapi mereka mengambil pendekatan untuk terus bertahan kerana teritak berdekatan dengan rumah masing-masing.

"Saya sendiri membuat inisiatif menutup permukaan sangkar dengan kayu lapis, namun haiwan itu menyerang di bahagian bawah sangkar pula menyebabkan kami buntu untuk mencari kaedah apa lagi untuk menghalauinya," katanya.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Nelayan Kawasan Tumpat, Mohamed Shaam Abd Kadir mengharapkan isu serangan memerang terhabit mendapat perhatian pihak berwajib.

Beliau berkata, selain Perhilitan, mungkin ada pihak lain boleh memberi bantuan meninggalkan sedikit kerugian dialami penternak yang ada dalam kalangan mereka mencecah ratusan ribu ringgit.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	17	3/2/2022

Kosmo! KHAMIS 3 FEBRUARI 2022

Negara! 17

Bot penduduk Kampung Tok Jembal sukar keluar ke laut untuk menangkap ikan

Muara cetek jejas rezeki 120 nelayan

Oleh TENGKU DANISH BAHRU
TENGKU YUSOFF

KUALA NERUS – Seramai 120 nelayan di Kampung Tok Jembal di sini, berdepan dilema untuk mencari rezeki di laut akibat muara pantai di kawasan berkenaan dalam keadaan ceteak.

Berdasarkan tinjauan Kosmo!, kedalaman muara pantai yang dahulunya sekitar 4.57 meter kini hanya tinggal kurang satu meter, sekali gus menyebabkan bot nelayan sukar untuk keluar dan mudik ke laut bagi mencari rezeki.

Seorang nelayan, Che Rani Abdullah, 56, berkata, masalah muara pantai ceteak itu sebenarnya sudah berlarutan sejak empat tahun lalu.

Katanya, masalah tersebut menyebabkan nelayan tempatan terpaksa turun ke laut sebelum pulak 6 pagi pada setiap hari sewaktu air pasang.

"Sekiranya lewat, bot kami tidak boleh melepas muara pantai kerana akan tersangkut pada beting pasir."



NELAYAN terpaksa menolak bot mereka yang tidak dapat memasuki jeti kerana muara cetek di Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus semalam.

"Masalahnya, kami tidak boleh berada lama di laut iaitu hanya sekitar dua hingga tiga jam kerana perlu pulang sebelum air surut," katanya ketika ditemui di Pantai Tok Jembal di sini semalam.

Che Rani berkata, situasi itu menyebabkan tidak banyak ikan yang dapat dibawa pulang.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Zuki Omar, 45, berkata, bot-bot

nelayan juga sering rosak akibat terkena beting pasir ekoran kecetakan muara pantai berkenaan.

Katanya, setiap kali beriau kerosakan, kos membaiki amat tinggi iaitu kira-kira RM5,000 selain nyawa nelayan juga turut berisiko ekoran masalah itu.

"Kami pernah bersepakat mengeluarkan duit poket sendiri untuk mengupah pihak swasta mendalamkan muara Pantai Tok Jembal pada tahun 2019.

"Inisiatif mereka yang melanjutkan belanja RM3,000 itu cuma bertahan seminggu sebelum beting pasir kembali berkumpul di muara," katanya.

Sehubungan itu, Mohd. Zuki merayu tindakan bersepada daripada kerajaan bagi mengatas masalah tersebut.

"Jika dibiarkan berlarutan lagi, kami golongan nelayan ini yang akan merana dan menderita.

"Lagi pun sudah ramai yang berpindah menurunkan hasil laut ke Mengabang Telipot dan Batu Rakit walaupun lokasi itu agak jauh," katanya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI	14	3/2/2022
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		

14 Negara!

Kosmo! KHAMIS 3 FEBRUARI 2022

Kawasan 500 meter radius dari pelantar minyak diwartakan sebagai kawasan larangan

Ghairah cari ikan sampai ke pelantar

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU — Keberanekaan rentas negeri sejak pertengahan Oktober lalu telah membuka jalan kepada pemancing seluruh negara kembali ke Terengganu untuk merasai kenikmatan memancing di laut dalam di perairan negeri itu.

Segelintir mereka begitu ghairah melepaskan gian sehingga sanggup menceroboh kawasan pelantar minyak di sekitar perairan Terengganu yang diperkatai lubuk ikan besar pun menyalangi undang-undang.

Tambah mengerukkan keadaan, sebahagian pengusaha seakan-akan cuba mengambil kesempatan menganjurkan pakej memancing ke kawasan pelantar minyak itu biarpun melanggar undang-undang dan membahayakan nyawa pemancing.

Kes pencerobohan kawasan pelantar minyak oleh kumpulan pemancing dikesan Maritim Malaysia (APMM) terutama sekaj



SUFFI

pembukaan sempadan negeri.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mond. Ramli berkata, kawasan 500 meter radius dari pelantar minyak telah diwartakan sebagai kawasan larangan mengikut Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959.

Jelas beliau, mana-mana pihak yang melanggar peraturan tersebut boleh dikenakan tindakan penjara sehingga dua tahun atau denda maksimum RM1,000 atau kedua-dua sekali jika sabit



DUA pemancing menunjukkan ikan yang berjaya ditangkap di kawasan pelantar minyak di perairan Terengganu dekat sini baru-baru ini.

kesalahan.

"Perairan Terengganu mempunyai kira-kira 53 pelantar minyak. Pemerhatian kita mendapati tiga pelantar yang sering diceroboh kumpulan pemancing ialah Pelantar Desaru, Pelantar Bekok dan Pelantar Pulai.

"Kesemua pelantar tersebut terletak pada kedudukan 80 hingga 140 batu nautika dari pantai Terengganu," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Muhammad Suffi menjelaskan, larangan tersebut disebabkan perbuatan itu dibimbangi akan membahayakan keselamatan dan nyawa pemancing maupun pekerja pelantar minyak.

Jelasnya, kerja-kerja cari gaii minyak di luar pesisir pantai merupakan aktiviti berisiko tinggi dan berbahaya.

"Tahap keselamatan terhadap pelantar minyak perlu dititik berat kerana sebarang kesilapan boleh mengundang pacah apatah lagi ia merupakan aset negara yang memberi pendapatan tinggi kepada ekonomi.

"Lagipun kita bimbang mereka terserempak dengan ancaman nelayan Vietnam yang kadang-kala memiliki senjata api," katanya.

Muhammad Suffi berkata, APMM sentiasa menjalin kerjasama dengan syarikat pengendali

pelantar minyak terbabit untuk menangani isu pencerobohan terbabit.

Beliau berkata, walaupun pencerobohan kawasan pelantar minyak di perairan Terengganu tidak seterusnya yang berlaku di perairan Malaysia Timur tetapi APMM tetap mengambil serius.

"Setakat ini kita telah menghaiau hampir 10 bot yang membawa kumpulan pemancing yang memasuki kawasan larangan. Sebolehnya kami masih mahu berdiplomasi tetapi kalau ada yang berdegil, tindakan tegas seperti dilakukan terhadap nelayan asing akan diambil," katanya.



SALAH sebuah pelantar minyak yang terdapat di perairan Terengganu.

RM1,000 seorang sekali trip, guna helah elak ditahan

KUALA TERENGGANU — Keghairahan meraih hasil laut berkualiti dalam kuantiti banyak punca mendorong segenitir pemancing sanggup mengikuti trip memancing di kawasan larangan.

Pengusaha bot pula 'gelap mata' kerana mampu meraih pendapatan lumayan sehingga RM10,000 bagi setiap trip pakej memancing di kawasan larangan terbabit.

Seorang pemancing yang mahu dikenali sebagai Yusri, 41, berkata, dia sedar pelantar minyak merupakan kawasan larangan tetapi godaan keseronokan memancing ikan bersaiz besar mengatasi segalanya.

Kakitangan swasta yang menetap di Petaling Jaya, Selangor itu berkata, kaki pancing tahu pelantar minyak merupakan peluang berkualiti tinggi.

"Sepanjang saya ikut trip memancing di kawasan pelantar minyak, antara ikan yang pernah mengena umpan ialah ikan tengiri, tenggiri, layaran dan merah.

"Caj RM1,000 seorang bagi setiap trip berbaloi dengan pengalaman memancing tersebut," dakwanya kepada Kosmo! di sini baru-baru ini.

Yusri berkata, peserta trip memancing di kawasan pelantar minyak itu juga telah diajar helah bagi mengelak ditahan sekiranya

terserempak dengan kapal penjagaan kuasa yang mengadakan rodaan di perairan.

Katanya, tekong bot mengajar mereka agar memberi alasan seperti terpaksa memasuki kawasan larangan tersebut kerana berlindung daripada cuaca buruk dan ombak kuat.

"Seiain itu, kami diajar memberi alasan kononnya bot yang dinaika telah mengalami kerosakan jentera sehingga terpaksa bertambat di pelantar.

"Setakat ini bot yang saya naiki belum pernah terserempak dengan kapal peronda Maritim Malaysia mahu pun bot nelayan Vietnam," katanya.



SALAH seorang pemancing menunjukkan ikan yang berjaya ditangkap di kawasan pelantar minyak di perairan Terengganu baru-baru ini.